

JATI DIRI REMAJA ISLAM ERA DIGITAL

Oleh : Nurhanisah Mohamad (A123646)

Pendahuluan

Alam remaja merupakan satu tahap kritis dalam kehidupan manusia, iaitu tempoh peralihan daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Pada peringkat ini seseorang itu akan mula bertindak balas kepada tuntutan emosi untuk mencari identiti dan penampilan tersendiri. Pada peringkat mencari identiti, mereka sering berhadapan dengan konflik diri bahawa wujud dua pertembungan iaitu antara sifat kanak-kanak dan keinginan serta kebimbangan untuk menempuh alam dewasa. Jadi, sejauhmanakah perkaitan pemodenan ICT terhadap pembangunan akhlak remaja. Hal ini menjadi persoalan kerana adakah pemodenan ICT membawa anjakan paradigma yang lebih baik terhadap pembangunan akhlak remaja atau pun disalahgunakan oleh remaja pada masa kini.

Seperti mana yang sedia maklum, akhlak remaja pada masa kini boleh dikatakan berada di tahap yang amat membimbangkan dan sedikit sebanyak mengeksploitasi pemikiran remaja. Sebagai contoh, laman - laman yang tidak bermoral semakin berleluasa dan telah banyak mempengaruhi para remaja. Contoh lain seperti kurangnya pemantauan ibu bapa terhadap penggunaan ICT oleh anak - anak. Hal ini menyebabkan remaja semakin bebas menerokai laman - laman web yang keterlaluan dan tidak bermoral. Jika masalah ini tidak dibendung, mereka akan mempraktikkan perkara yang mereka lihat di dalam kehidupan sehari-hari mereka. Oleh yang demikian, remaja juga perlu mempunyai motivasi diri untuk membezakan antara positif atau negatif terhadap penggunaan ICT.

Cabar dan Impak ICT

Pemodenan ICT membawa cabaran dan impak yang kuat terhadap pegangan dan penghayatan nilai - nilai murni agama dan pengaruh negatif yang merubah minda serta gaya hidup insan. Ia boleh menghakis dan mengubah paradigma tauhid, syariah dan akhlak mulia sehingga mengikis nilai-nilai keinsanan apabila disalahgunakan.

Teknologi telah memberi impak yang besar kepada pendidikan di Malaysia. Misalnya, teknologi telah mengubah cara kita membina pengetahuan, cara kita mengajar dan belajar, cara kita berkomunikasi, mendapatkan maklumat dan memudahkan pembelajaran. ICT telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara dalam pendidikan, teknologi, komunikasi dan ekonomi. Namun tanpa menafikan sumbangan dan kebaikan dari pembangunan ICT terhadap manusia sejagat, kita dapat kesan dan pengaruh negatif juga menjadi cabaran besar dan menggugat sosio budaya insan.

Pelayaran Laman Web Negatif

Minat dan kesukaan melawati laman-laman web yang tidak bermoral dan tidak berfaedah memberi kesan negatif dalam perkembangan minda dan fizikal manusia. Ketagihan terhadap laman web negatif mencetuskan kerosakan maruah, nilai keperibadian, dorongan terhadap jenayah seksualiti, perhubungan interpersonal dan

pembaziran wang serta masa. Kewujudan laman web lucah yang mudah diakses oleh sesiapa sahaja termasuk anak-anak sekolah, remaja dan golongan dewasa memberi kesan negatif terhadap perubahan nilai dan gaya hidup mereka. Larangan agama terhadap perlakuan yang tidak boleh menghampiri zina tidak mampu menyekat remaja dan golongan dewasa daripada menghindari perbuatan tercela.

Pendidikan Islam jelas mencegah umat Islam dari terlibat dalam kegiatan tidak bermoral. Pendidikan akhlak menurut Islam ialah pembentukan jiwa dan peribadi muslim yang mampu menjaga dan menjauhi amalan-amalan buruk termasuk melayari laman web lucuh. Impak daripada gejala ini ialah merebak bermacam-macam penyakit sosial akibat ketagihan seks seperti perzinaan, pelacuran, penularan HIV/AIDS, homoseksual dan lesbian, penyakit kelamin, curang dalam hubungan dan melakukan seks sebelum kahwin di kalangan remaja.

Permasalahan Remaja

Minat remaja terhadap ICT terutama teknologi Internet dan alat komunikasi mendorong mereka menghabiskan masa di pusat komputer, pusat Internet dan telefon bimbit. Program seperti ‘chatting’, permainan video, sms, mms, 3G dan berbagai aktiviti melaluinya membawa kesan dan cabaran tersendiri. Kegilaan anak remaja ini memberi cabaran kepada ibu bapa mereka. Ramai pelajar yang ponteng sekolah, menyalahgunakan wang saku, meminjam wang teman bahkan ada yang sanggup menipu dan mencuri. Kesannya ialah berlakunya pembaziran masa kerana terlalu lama di pusat komputer tidak ada kawalan keluarga dan berkembangnya masalah serta gejala sosial di kalangan remaja.

Nilai Etika Dalam ICT

Masyarakat yang beretika ialah masyarakat yang mempertahankan tanggungjawab moral dan sosial, membentuk individu sebagai anggota masyarakat yang komited terhadap peraturan dan lunas-lunas yang berhemah. Islam sebagai contoh telah menyediakan asas etika dan akhlak yang luhur untuk diamalkan oleh semua peringkat manusia di zaman siber ini. Asas sifat seperti Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatonah wajar diperaktikkan dalam seluruh generasi ICT. Sikap Siddiq yang bermaksud benar amat besar peranannya dalam kehidupan manusia. Permasalahan kerakusan “manusia pornografi” akan dapat diatasi jika manusia seluruhnya sentiasa memastikan setiap tindakan mereka sentiasa benar. Penyebar maklumat yang amanah akan sentiasa memastikan bahan yang disebar adalah betul dan tepat dan akan dipertanggungjawabkan di kemudian hari. Didikan terhadap perbuatan amanah ini mestilah dilakukan sejak manusia itu diperingkat kecil.

Seterusnya, sifat Tabligh pula akan memastikan amalan menyeluruh manusia berbuat kebaikan dan melarang manusia berbuat kejahanan yang berterusan. Setiap individu yang terlibat secara langsung atau pun secara tidak lansung dalam dunia Internet dan maklumat sewajarnya memahami maksud “tabligh”. Manakala sifat Fatonah juga sewajarnya disebarluaskan dalam kalangan umat ICT. Fatonah yang bermaksud bijaksana akan mendorong manusia sentiasa berhati-hati dalam menyebarkan sesuatu di dalam Internet. Jika sifat ini berjaya ditanam dalam jiwa manusia seluruhnya maka tahap etika yang cemerlang akan berjaya diaplikasikan dalam masyarakat dunia.

Penutup

Secara kesimpulannya, pemodenan ICT mempunyai pro dan kontra. Walaupun sekarang kita berada dalam era teknologi maklumat dan bergantung kepada pemodenan ICT untuk kelangsungan hidup terutamanya pemudahcaraan kerja tetapi kita harus pandai menilai dari segi aspek positif dan negatif tentang kesan pemodenan ICT. Kepelbagaiannya maklumat yang terdapat di Internet boleh diakses oleh para guru mahupun pelajar dan ibu bapa serta masyarakat dengan menggunakan enjen pencari. Bayangkanlah maklumat yang sedia ada untuk dipaparkan begitu banyak sekali dan tidak mungkin untuk dilayari satu persatu. Justeru itu, peranan guru amat penting untuk memilih laman-laman web yang mengandungi maklumat-maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan pelajarnya. Menyediakan satu persekitaran pembelajaran Pendidikan Islam yang menarik serta mempunyai pautan pada beberapa laman web yang berkaitan dengan kemudahan animasi, bunyi, gambar hidup dan bersifat interaktif yang tidak dapat ditunjukkan dengan pembelajaran tradisional. Contoh laman yang boleh dilayari adalah seperti: (<http://pibaukm.wordpress.com/>) dan (<http://www.gemaislam.net/>).

Sebagai remaja yang sedang mengalami usia emosi, mereka seharusnya berfikiran rasional dalam menempuh fasa tersebut dengan tidak menyalahgunakan pemodenan ICT. Di samping itu juga, remaja sebagai pemimpin Negara pada masa hadapan patut mengambil kesempatan dengan memperoleh sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan membina jati diri agar tidak hanyut di dalam arus pemodenan ICT. Pihak-pihak yang bertanggungjawab seharusnya mengambil langkah drastik dalam mengekang kebejatan sosial terutamanya melibatkan penyalahgunaan ICT oleh remaja pada masa kini. Justeru, kesedaran dalam diri remaja memainkan peranan penting dalam mengharungi era teknologi maklumat. Jati diri yang mantap dan tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar, perlu ditanamkan dalam diri para remaja. Sesungguhnya pemodenan ICT itu adalah satu nikmat yang telah dikurniakan kepada kita. Jadi, kita janganlah lalai dan alpa kerana ia hanya merugikan kita serta generasi akan datang. Sebaik-baiknya gunalah kemudahan yang ada untuk kebaikan kita bersama.

Rujukan

Anon. t.th. Peranan ICT Terhadap Pembangunan Akhlak Remaja.
<http://www.scribd.com/doc/33359127/peranan-ICT-terhadap-pembangunan-akhlak-remaja/>. [22 Januari 2012].